



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**SISTEM SAPAAN DALAM BAHASA MINANGKABAU:  
SUATU TINJAUAN SOSIOLINGUISTIK**

**MEDIA SANDRA KASIH**

**FBMK 2000 11**

**SISTEM SAPAAN DALAM BAHASA MINANGKABAU:  
SUATU TINJAUAN SOSIOLINGUISTIK**

**MEDIA SANDRA KASIH**

**DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2000**



**SISTEM SAPAAN DALAM BAHASA MINANGKABAU:  
SUATU TINJAUAN SOSIOLINGUISTIK**

**Oleh**

**MEDIA SANDRA KASIH**

**Tesis ini Disediakan bagi Memenuhi Keperluan untuk Ijazah  
Doktor Falsafah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia**

**Julai 2000**



## **DEDIKASI**

*Teristimewa buat :*

**Orangtuaku, H. Yuzar Akmam (papa), Hj. Djawanis (mama)**  
**Mertuaku, Asbir (papa), Hj. Nurlis (etek)**  
**Suamiku tercinta Ir. Adrinal, MS**  
**Anak-anakku tersayang**  
**Nadya Intan Kemala Adrinal**  
**Berlian Naufal Adrinal**  
serta  
**Saudara-saudaraku**  
**Uda Dodi, Des, dan Tet**

**Terima kasihku yang tiada terhingga  
segala doa, pengorbanan, dan harapanmu  
senantiasa mengiringi setiap langkahku**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**SISTEM SAPAAN DALAM BAHASA MINANGKABAU :  
SUATU TINJAUAN SOSIOLINGUISTIK**

Oleh

**MEDIA SANDRA KASIH**

**Julai 2000**

**Pengerusi : Prof. Hj. Amat Juhari Moain, Ph.D**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kata sapaan merupakan komponen sosial yang penting dalam masyarakat Minangkabau. Kata sapaan dalam budaya dan bahasa Minangkabau dititikberatkan, kerana cara menyapa dan memanggil berkait dengan usia, peringkat dalam keluarga, dan tempat asal si penyapa. Tesis ini merupakan suatu kajian mengenai kata sapaan yang terdapat dalam masyarakat Minangkabau. Sementara itu, wilayah yang dikaji meliputi wilayah *darek* dan rantau. Kata sapaan yang dikaji terdiri daripada kata sapaan kekeluargaan, umum, adat dan kata sapaan agama.

Bagi menganalisis kata sapaan ini, digunakan peraturan dan pendekatan sosiolinguistik. Antara peraturan dan pendekatan ini ialah peraturan sosiolinguistik yang dirumuskan oleh Ervin-Tripp, iaitu Peraturan Alternasi

(Alternation Rules), Peraturan Perurutan (Sequencing Rules), dan Peraturan Kejadian Bersama (Co-Occurrence Rules). Selain itu, komponen berbahasa dalam komunikasi (SPEAKING) oleh Hymes, diberikan tumpuan juga.

Daripada penganalisisan tersebut dapat disimpulkan seperti yang berikut (a) Sistem sapaan ini berkaitan rapat dengan system nilai sosio budaya Minangkabau, (b) Sistem sapaan dalam bahasa Minangkabau sangat bervariasi, (c) Sistem sapaan bahasa Minangkabau ditentukan oleh usia penyapa dan si disapa, (d) Kata sapaan di wilayah darek (darat) mempunyai perbezaan apabila dibandingkan dengan wilayah rantau, (e) Perbezaan kata sapaan di darek (darat) dengan di rantau dapat dimengertikan oleh masyarakat di kedua-dua buah wilayah, (f) Kata sapaan di kawasan kota menunjukkan perubahan dan dipengaruhi oleh bahasa dan budaya luar.

**Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirements for the Degree of Doctor Philosophy**

**SOCIOLINGUISTICS ASPECT OF TERMS OF ADDRESS IN  
MINANGKABAU LANGUAGE: A CRITIQUE**

**By**

**MEDIA SANDRA KASIH**

**July 2000**

**Chairman : Prof. Hj. Amat Juhari Moain, Ph.D**

**Faculty : Modern Languages and Communication**

Terms of address is an important social component in the Minangkabau society as they indicate age, family ranking and place of origin of the addressee. This dissertation studies the Minangkabau societal terms of address. The terms of address under study are based on the following categories: family, general, customary and religious. Geographically, this study covers both inland and coastal regions of Minangkabau.

For the critical analysis of these terms of address socio-linguistic approach comprising Alternation Rules, Sequencing Rules, Co-occurrence rules, and Hymes' language component in communication (SPEAKING) introduced by Hymes was used.

The study yields the following conclusions: (a) that terms of address are closely linked with the social /cultural value system of the Minangkabau society; (b) that the terms of address used in the Minangkabau society has many variations; (c) that the terms of address indicate the age of addressers and addressee; (d) that the terms of address that are used in the inland regions of Minangkabau are different from those used in the coastal regions of Minangkabau; (e) that despite these differences certain terms of address can be understood by the Minangkabau society of both regions; and that the terms of address used in urban areas manifest signs of foreign influences.

## PENGHARGAAN

Pertamanya, penulis mengucapkan syukur kehadiran Allah SWT yang telah memberikan kekuatan, semangat, kesabaran, dan arah yang benar untuk menyelesaikan penulisan tesis ini.

Seterusnya, penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatan Kuasa Penyeliaan yang dipengerusikan oleh Prof. Dr. Hj. Amat Juhari Moain ke atas bimbingan dan petunjuk yang berguna sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Penulis juga merakamkan jutaan terima kasih kepada Dr. Noor Aina Dani dan Dr. Shameem Mohd. Rafik Khan @ Rafik-Galea selaku ahli Jawatan Kuasa Penyeliaan di atas bimbingan, tunjuk ajar, komen, motivasi dan nasehat yang telah diberikan. Penghargaan yang sama juga diberikan kepada Dr. Abdullah Jumain bin Abu Samah yang telah memberikan sokongan dan pemikiran-pemikiran yang bernas dalam masa-masa awal penulisan tesis ini. Saya sungguh terhutang budi kepada beliau berempat, semoga Allah membala budi baik mereka.

Di kesempatan ini juga, penulis mengucapkan terima kasih kepada Bapak H. Idrus Hakimi Datuak Rajo Penghulu yang telah memperkaya pengetahuan penulis tentang adat istiadat Minangkabau. Tidak lupa rakan-rakan seperjuangan di Bilik Siswazah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi di atas semua dorongan yang telah diberi, terutamanya En. Supian yang telah bersusah payah membantu

mengedit tesis ini, dan kepada Kak Aziah, Hamidah, Triana, Naseer, En. Ali, serta Pak Jamil.

Terima kasih ini juga penulis rakamkan kepada pihak Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi terutama Prof. Dr. Hj. Amat Juhari Moain selaku pensyarah kursus BBM 3204 dan En. Che Ibrahim Saleh selaku pensyarah BBM 3201 yang telah memberikan penulis kesempatan sebagai tutor sambilan sepanjang pengajian penulis. Bantuan ini amat bermanfaat dalam menyelesaikan pengajian penulis.

Akhirnya dan tidak kurang pentingnya, penulis menyatakan penghargaan setinggi-tingginya kepada suami dan anak-anak yang selama ini sering tersia-siakan, pengorbanan mereka menjadi semangat untuk mencapai kejayaan. Tidak lupa kepada orang tua dan mertua yang tentunya turut memberikan sokongan moral mahupun material selama pengajian penulis. Semoga Allah memberkati kita semua, Amin.

## ISI KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>DEDIKASI</b>	2
<b>ABSTRAK</b>	3
<b>ABSTRACT</b>	5
<b>PENGHARGAAN</b>	7
<b>LEMBARAN PENGESAHAN</b>	9
<b>PERNYATAAN KEASLIAN</b>	11
<b>SENARAI JADUAL</b>	15
<b>SENARAI RAJAH</b>	16
<b>GLOSARI</b>	17

## BAB

<b>I PENDAHULUAN</b>	21
Latar Belakang Kajian	21
Alam Minangkabau	21
Masyarakat Minangkabau	28
Bahasa Minangkabau	37
Pernyataan Masalah	43
Hipotesis	47
Objektif Kajian	47
Kepentingan Kajian	48
Skop Kajian	50
Definisi Operasional	50
Sistem Sapaan Bahasa Minangkabau	50
Tinjauan Sosiolinguistik	51
<b>II SOROTAN LITERATUR</b>	52
Kajian tentang Sistem Kata Panggilan Masyarakat Bahasa Inggeris-Eropah	52
Kajian tentang Sistem Kata Panggilan Masyarakat Bahasa Inggeris-Amerika	57
Kajian tentang Sistem Sapaan Bahasa Minangkabau	61
Kajian tentang Sistem Panggilan Dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sosiolinguistik	66
Kajian tentang Sistem Panggilan Dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thai	71
Kajian tentang Sistem Sapaan Dialek Jakarta	74
Kajian tentang Sistem Sapaan Kekeluargaan Bajau: Suatu Penelitian Awal	79
Kajian tentang Sistem Panggilan Dalam masyarakat Melayu di Kampung Pamah Kulat	82

## **Muka Surat**

<b>III METODOLOGI</b>	86
Reka Bentuk Kajian	86
Kerangka Teori	86
Kerangka Konsepsi	120
Tempat Kajian	121
Subjek Kajian	121
Populasi dan Persampelan	122
Kaedah Kajian	124
Pendekatan Kajian	131
Pemboleh Ubah Kajian	132
Alat Kajian	133
Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	134
Tata Cara Kajian	134
Kajian Rintis	134
Kajian Sebenar	135
Penganalisisan Data	136
<b>IV KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN</b>	137
Persembahan Dapatan	137
Dapatan Kajian 1 Mengenal Pasti Sistem Panggilan Bahasa Minangkabau Secara Sosiolinguistik	138
Kata Sapaan Kekeluargaan	139
Kata Sapaan Secara Adat	179
Kata Sapaan Umum	203
Kata Sapaan Keagamaan	208
Dapatan Kajian 2 Penyusunan Sistem Panggilan Bahasa Minangkabau Secara Sosiolinguistik Berdasarkan Sistem Sosial Masyarakat Minangkabau	218
Sistem Nilai	220
Sistem Kekeluargaan	225
Sistem Politik	227
Sistem Hukum Adat	231
Sistem Ekonomi	236
Sistem Susun Lapis Masyarakat	238
Sistem Penggelaran	241
Peraturan Sapaan Bahasa Minangkabau Mengikut Aturan Ervin-Tripp Secara Sosiolinguistik	244
Dapatan Kajian 3 Membezakan Penggunaan Kata Sapaan Kekeluargaan Bahasa Minangkabau Antara Masyarakat di Kawasan Desa dengan Masyarakat di Kawasan Kota di Wilayah <i>Darek</i>	290

## **Muka Surat**

Dapatan Kajian 4 Membezakan Sistem Kata Panggilan Adat dan Kata Sapaan Umum Bahasa Minangkabau Antara Wilayah <i>Darek</i> dengan Wilayah Rantau	320
Tafsiran Data Dapatan Kajian 3	325
Tafsiran Data Dapatan Kajian 4 Uji Statistik	352 362
<b>V. RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>372</b>
Pengantar	372
Rumusan	373
Perbandingan Dapatan Kajian	381
Implikasi Kajian	392
Cadangan	393
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>395</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>404</b>
<b>BIODATA PENULIS</b>	

## **SENARAI JADUAL**

<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
1. Subjek Kajian	122
2. Perbezaan Kata Sapaan Kekeluargaan Antara Kawasan Kota dengan Desa di Wilayah <i>Darek</i>	290
3. Perbezaan Kata Sapaan Wilayah Rantau Antara Kawasan Kota dan Kawasan Desa	301
4. Perbezaan Kata Sapaan kekeluargaan Antara Wilayah <i>Darek</i> dengan wilayah Rantau	310
5. Perbezaan Kata Sapaan Adat Antara Wilayah <i>Darek</i> dengan Wilayah Rantau	320
6. Perbezaan KataSapaan Umum Antara Wilayah <i>Darek</i> dengan Wilayah Rantau	323

## SENARAI RAJAH

<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
1. Struktur Pengelompokan Suku: Suku Piliang Sebagai Contoh	34
2. Kaitan Antara Suku, Payung dan Paruik dalam Satu-satu <i>nagari</i>	36
3. Struktur Kaum dalam Organisasi Suku	37
4. Pokok Kekerabatan Proto-Malayic	41
5. Pokok Kekerabatan Proto-Malayic Hesion	42
6. Semantik Dua Dimensi dalam Keseimbangan	55
7. Semantik Dua Dimensi di bawah Tekanan	56
8. Rajah Model Perkembangan Sistem Sapaan Mengikut Masa dari Kiri ke Kanan	59
9. Model Perubahan Sosial	92
10. Perbezaan Penamaan Istilah Penamaan dan Kategorisasi	96
11. Sistem Sapaan Masyarakat Akademik Inggeris-Amerika	103
12. Sistem Sapaan Masyarakat Akademik Inggeris-Amerika	104
13. Sistem Tutur Sapa (Sapaan Bahasa Indonesia)	117
14. Wilayah Pengumpulan Persampelan, <i>Darek</i> dan Rantau Minangkabau	124
15. Kaedah Introspektif dan Kaedah Analitik	126
16. Pokok Kekerabatan Istilah Sapaan Bahasa Minangkabau	173
17. Sapaan Terhadap Saudara Laki-laki Ayah dan Saudara Laki-laki Ibu	174
18. Penamaan dalam Keluarga Mengikut Urutan Kelahiran dalam Keluarga Miangkabau	178
19. Perkahwinan Laki-laki Bangsawan dengan Perempuan Bangsawan	200
20. Perkahwinan Laki-laki Bangsawan dengan Perempuan Bukan Bangsawan	201
21. Perkahwinan Laki-laki Biasa dengan Perempuan Bangsawan	201
22. Perkahwinan Laki-laki Biasa dengan Perempuan Biasa	201
23. Sistem Sapaan Adat Minangkabau	202
24. Paradigma Sosiolinguistik Sistem Kata Sapaan Bahasa Minangkabau	219
25. Sistem Sapaan Kanak-Kanak Ervin-Tripp	246
26. Sistem Sapaan Kanak-Kanak Bahasa Minangkabau	247
27. Sistem Sapaan Kalangan Remaja Minangkabau	249
28. Sistem Kata Sapaan Bahasa Model Ervin-Tripp	253
29. Sistem Kata Panggilan Bahasa Melayu	254
30. Sistem Sapaan Bahasa Minangkabau Laki-laki dan Perempuan	255
31. Sistem Sapaan Lisan dalam Bahasa Minangkabau Mengikut Sapaan Keluarga	256
32. Sapaan untuk Laki-laki Dewasa Minangkabau	260
33. Sistem Sapaan Lisan dalam Bahasa Model	270
34. Sistem Sapaan Lisan dalam Bahasa Minangkabau	271
35. Sistem Sapaan untuk Kata Mendaki Bahasa Minangkabau	275
36. Sistem Sapaan untuk Kata Menurun Bahasa Minangkabau	277
37. Sistem Sapaan untuk Kata Melereng Bahasa Minangkabau	279
38. Sistem Sapaan untuk Kata Mendaki Bahasa Minangkabau	281
39. Sistem Sapaan dalam Bahasa Minangkabau Mengikut Pasangan atau Diad serta Tahapnya	283

## GLOSARI

Abu ateh tunggu = kedudukan yang tidak teguh (jika datang angin dia terbang)

(Ba)adat (ba)limbago = (mempunyai) adat dan lembaga.

(Ba)cupak, = (mempunyai) alat untuk menakar beras daripada bambu

(ba)gantang = (mempunyai) alat untuk menakar beras daripada besi.

(Ba)kapalo koto = (mempunyai) kepala koto.

Batali adat = mempunyai hubungan secara adat

Batali darah = mempunyai hubungan darah.

Darek = kawasan wilayah Minangkabau sebelah pedalaman, terdiri daripada tiga

luhak , khasnya, luhak Tanah Datar, luhak Agam dan luhak 50 Kota

Dusun = suatu pemukiman yang telah lebih banyak penduduknya, dan sudah  
mempunyai tempat ibadah seperti surau.

Galanggang = medan untuk mengadakan segala macam pertandingan.

Kaba = cerita penglipur lara khas Minangkabau.

Kabupaten = daerah

Kaki limo = tapak jualan yang biasanya terletak di depan kedai .

Kato malereng = kata melereng ( bahasa yang digunakan oleh orang yang saling  
menyegani).

Kato mandaki = kata mendaki ( bahasa yang digunakan oleh orang yang status  
sosialnya lebih rendah kepada yang lebih tinggi).

Kato mandata = kata mendatar ( bahasa yang digunakan oleh orang yang  
hubungannya akrab).

Kato manurun = kata menurun (bahasa yang digunakan oleh orang yang statusnya lebih tinggi kepada yang lebih rendah).

Kato nan ampek = kata yang empat ( mendaki, menurun, melereng dan mendatar)

Ke(laras)an = (kesesuaian) sistem pemerintahan

Kemanakan = anak kepada adik perempuan atau anak kepada kakak perempuan seorang lelaki.

Kecamatan = mukim

Keluarga batih = keluarga asas (ayah, ibu dan anak)

Kelurahan = desa

Komunal = cara hidup bersama

Kotamadya = majlis bandaran

Koto = merupakan pemukiman yang telah mempunyai hak-hak dan kewajiban seperti nagari, pimpinan ditangan penghulu, tetapi balairungnya belum mempunyai dinding

Langgam kato = langgam kata (tata cara berbicara sehari-hari)

Mahoyak tabuik = mengoncang tabut (sempena menyambut ketibaan bulan Muharram)

Mamak = saudara lelaki kepada ibu, atau saudara lelaki klasifikatori kepada ibu dalam generasi yang sama.

Manenteng minyak panuah = menatang minyak penuh (pekerjaan yang memerlukan ke hati-hatian)

Matrilineal = kekerabatan sedarah dari turunan ibu

Nagari = suatu wilayah Minangkabau yang sudah mempunyai sempadan yang jelas, dan telah mempunyai alat kelengkapan pemerintahan yang sempurna. Didiami oleh sekurang-kurangnya empat suku penduduk dengan penghulu pucuk selaku pimpinan tertinggi.

Pangulu = ketua kumpulan zuriat

Parewa = golongan muda yang biasa

Paruik = satu kumpulan orang yang ada pertalian darah melalui nasab ibu yang biasanya tinggal dalam sebuah rumah adat.

Payuang = satu kumpulan orang yang ada pertalian darah melalui nasab ibu di bawah pengawasan seorang ketua kumpulan zuriat (penghulu)

Pesisir = wilayah Minangkabau yang berbatasan dengan samudera Indonesia.

Propinsi = daerah tingkat dua, setaraf dengan kerajaan negeri di Malaysia.

Pusako = warisan harta benda

Rantau = wilayah di luar luhak yang dipimpin penghulu pada nagari yang berstatus otonomi, misalnya rantau Indrapura, Padang, Kampar dan Indragiri.

Rumah gadang = rumah tradisional Minangkau, dan atapnya berbentuk seperti tanduk kerbau.

Sakanduang = saudara seayah dan seibu

Sako = warisan jawatan seibu.

Samandai = adik-beradik seibu atau satu kumpulan yang terdiri daripada seorang ibu dan anak-anaknya.

suku = satu kumpulan orang di satu-satu nagari yang berasal daripada satu nenek moyang yang tidak dapat lagi dikenal pasti.

Sumando = laki-laki yang berkahwin dengan saudara atau kemenakan perempuan.

Tambo = hikayat atau kisah zaman lalu Minangkabau

Tampuak tangkai alam Minangkabau = suatu negri di Batusangkar yang digelari sebagai pemegang alam Minangkabau.

Tapian = tempat pemandian umum di setiap nagari di Minangkabau

Taratak = suatu perkampungan kecil yang diasaskan oleh beberapa orang laki-laki dan telah mempunyai sistem pemerintahan sendiri

Tungganai = pemimpin sebuah rumah tangga ( beberapa rumah yang sekerabat)

Uang jemputan = Uang yang digunakan untuk meminang (Pariaman)

Urang asa = keturunan daripada peneroka asal di sesuatu kampung.

Urang awak = julukan yang digunakan untuk merujuk kepada orang Minangkabau

Urang datang = keturunan orang yang datang ke sesuatu kampung selepas peneroka asal.

Urang kabanyakan = julukan kepada orang yang tidak mempunyai status secara adat.

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **Latar Belakang Kajian**

##### **Alam Minangkabau**

Negara Indonesia terdiri daripada lebih kurang 17.508 pulau kecil dan besar (The Republic of Indonesia Government, 2000). Salah satu pulau besar yang memiliki bilangan penduduk yang besar jumlahnya adalah pulau Sumatera. Pulau Sumatera ini terbahagi kepada lapan *Propinsi*, ialah Daerah Istimewa Aceh, Sumatera Utara, Sumatera Barat, Riau, Jambi, Sumatera Selatan, Bengkulu dan Lampung (lihat LAMPIRAN 1). Setiap *Propinsi* memiliki penduduk yang umumnya dihuni oleh suku yang dominan. Umpamanya, di *Propinsi* Sumatera Utara suku yang dominan adalah suku Batak dan Melayu Deli, di *Propinsi* Sumatera Barat suku yang dominan adalah suku Minangkabau dan di *Propinsi* Riau suku yang dominan adalah suku Melayu Riau.

*Propinsi* Sumatera Barat terletak antara  $0^{\circ} 54''$  Lintang Utara dan  $3^{\circ} 30''$  Lintang Selatan serta antara  $98^{\circ} 36''$  dan  $101^{\circ} 53''$  Bujur Timur, paling barat Indonesia dengan keluasan wilayah 42,297.30 Km atau 2.17 % daripada keluasan daratan Indonesia. *Propinsi* Sumatera Barat ini bersempadan dengan *Propinsi* Sumatera Utara di sebelah Utara, di sebelah Selatan bersempadan dengan *Propinsi* Jambi,

dan di sebelah Barat bersempadan dengan Lautan Hindi Propinsi Sumatera Barat terdiri daripada 8 *Kabupaten* (Agam, Tanah Datar, Pasaman, Limapuluh Kota, Padang Pariaman, Solok, Sawah Lunto Sijunjung, dan Pesisir Selatan), 6 *Kotamadya* (Padang, Bukittinggi, Payakumbuh, Solok, Sawah Lunto, dan Padang Panjang) serta 1 *Kota Administratif* (Pariaman). Penduduk Sumatera Barat pada tahun 1997 diperkirakan berjumlah 4393,556 orang (Pemerintah Daerah Sumatera Barat, 2000).

Mengikut Kato (1989:15), Sumatera Barat yang sekarang ini menjadi tempat tinggal sebilangan besar orang Minangkabau merupakan suatu kawasan yang terletak memanjang dari utara ke selatan, di antara Lautan Hindi dengan banjaran gunung Bukit Barisan (lihat LAMPIRAN 2, Peta Sumatera Barat, yang dipetik daripada Kato, 1989). Pembahagian wilayah Sumatera Barat berbeza daripada pembahagian wilayah Minangkabau, yang lebih menekankan faktor suku dan adat istiadatnya.

Nama Minangkabau pertama kali muncul dalam catatan sejarah pada tahun 1365 Selepas Masehi (Edwin M.Loeb, 1974:7). Sebutan "Minangkabau" adalah sebutan secara budaya. Sementara itu kedudukan Minangkabau yang sebenarnya lebih sempit daripada Sumatera Barat. Mengikut Mansoer MD (1970:2) istilah Minangkabau mempunyai pengertian kebudayaan di samping makna geografis. Ada (suku) bangsa Minangkabau, tetapi tidak ada suku bangsa Sumatera Barat, mahupun kebudayaan Sumatera Barat. Dengan demikian bererti Sumatera Barat secara geografis lebih luas daripada wilayah Minangkabau. Pulau-pulau kecil

yang berhampiran seperti Pulau Sipora, Pulau Siberut, Pulau Sikakap merupakan wilayah Sumatera Barat. Sementara itu, Minangkabau bermakna secara kebudayaan yang berkaitan dengan adat-resam, cara hidup, nilai sosial, mahupun susunan kekeluargaan yang memenuhi sebahagian makna kata Sumatera Barat.

Wilayah Minangkabau dikelilingi oleh tiga buah banjaran gunung, yakni Gunung Merapi, Gunung Sago, dan Gunung Singgalang. Wilayah ini disebut dengan *darek* (darat), iaitu dataran tinggi di pedalaman yang agak berbeza daripada rantau, iaitu kawasan luar. Mengikut *tambo*, *darek* adalah tempat asal orang Minangkabau, iaitu keturunan raja Sultan Iskandar Zulkarnain sementara rantau adalah tempat orang Minangkabau mencari pekerjaan atau daerah luar daripada Minangkabau itu sendiri.

Catatan penulisan tentang sempadan daerah Minangkabau belum ditemukan sehingga kini. Sememangnya budaya Minangkabau pada dasarnya adalah budaya lisan (Khaidir Anwar, 1994:86). Oleh itu, sempadan wilayah Minangkabau hanya dijumpai secara tersirat dalam perbilangan adat dan dalam *tambo* Minangkabau. Perbilangan adat yang menyatakan bahawa sempadan wilayah Minangkabau itu berbunyi: *dari Sikilang Aia Bangih sampai ka Taratak Aia Itam, dari Sipisok-pisok pisau hanyuk sampai ka Sialang balantak basi, dari riak nan badabua sampai ka durian di takuak rajo.* Maksudnya ialah dari Sikilang Air Bangis sampai ke Taratak Air hitam, dari Sipisok-pisok pisau hanyut sampai ke Sialang